



Suara LPP

Bergerak Maju Bersama Peladang

Bil: 2/2004

Diterbitkan oleh: Bahagian Hal Ehwal Korporat



Amanat Menteri Cetuskan Semangat

Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani mahukan persepsi terhadap taraf hidup masyarakat petani yang mundur dan tercicir daripada arus permodenan negara perlu diubah. Bidang pertanian negara yang mengalami perubahan hasil daripada kajian dan pembangunan (R&D) turut memberi impak terhadap ekonomi peladang, penternak dan nelayan.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Amanat dan Ramah Mesra Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Bersama Peladang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 10 Mei 2004. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Seri Haji Mohd. Sharif bin Haji Omar dan Y.B. Dato' Seri Kerk Choo Ting, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani 1 dan 2. Turut hadir bersama ialah Y.B. Dato' Rohani binti Abdul Karim, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan

Industri Asas Tani, Y.H. Dato' Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Alang Perang Zainuddin, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Y. Bhg. Dato' Seri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman Timbalan Pengerusi LPP dan Y. Bhg. Dato' Nozir Ahmad bin Hussain, Ketua Pengarah LPP.

"Para peladang seharusnya berani memanipulasikan sumber pendapatan mereka. Kerajaan menyokong kuat usaha bagi meningkatkan taraf hidup para petani asalkan tidak membebankan. Berbagai usaha telah di jalankan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah pengeluaran makanan negara bagi mengurangkan pergantungan bahan makanan luar," kata beliau.

Menurut beliau lagi, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah, Perdana Menteri juga memberi perhatian yang

Dari Meja Ketua Pengarang

Negara kita sudah hampir lima dekad mengesepi kemerdekaan dan pada 31 Ogos 2004 ini genaplah 47 tahun ia diraikan oleh rakyat Malaysia. Disepanjang tempoh itu berbagai kejayaan yang telah ditempa oleh Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa dalam bidang tertentu.

Namun begitu kita masih agak ketinggalan dalam bidang pertanian berbanding dengan negara lain seperti Thailand dan Taiwan. Oleh itu pelbagai langkah telah diambil kerajaan bagi memajukan sektor pertanian terutama masyarakat peladang, penternak dan nelayan. Usaha-usaha murni kerajaan ini turut disokong oleh pihak swasta yang menganggap bidang pertanian merupakan satu industri yang boleh melangkaui lebih jauh jika diusahakan secara komersial.

Sememangnya tidak dinafikan bahawa bidang pertanian amat memerlukan modal yang besar serta kemahiran dalam pengurusan selain dipengaruhi ekonomi dunia. Tetapi Insya Allah kita tidak perlu

khuatir, apa yang perlu dilakukan adalah mengurus semula bidang ini dengan lebih tersusun dengan memperkenalkan penggunaan teknologi bagi menarik minat pengusaha.

Penglibatan pihak swasta dengan kerjasama peladang, penternak dan nelayan dalam mengusahakan bidang pertanian akan menjadikan sektor tersebut setanding dengan sektor lain yang memungkinkan Malaysia antara negara pengeluar makanan dunia. Semoga kerjasama seumpama ini akan berterusan dan menarik minat lebih banyak pihak yang mampu menyumbang ke arah kecemerlangan negara khususnya di bidang pertanian.

Kita seharusnya bersyukur kepada tuhan kerana dikurniakan tanah yang subur dan sebuah kerajaan yang adil berbanding sesetengah negara. Semoga masyarakat peladang yang dipandang sebagai pewaris kemiskinan akan menjadi satu golongan korporat yang dihormati dan disegani.

Penaung

Dato' Nozir Ahmad bin Hussain

Penasihat

**Milatusamshi bin Imam Nawawi
Aziz bin Abu Seman**

Ketua Pengarang

Mohd. Rosli bin Harun

Penyunting

Azizan bin Hj. Othman

Pengarang

**Rohman bin Jasmani
Mazuan bin Panjang Ali
Husra Kasuma Fahmi bin Hussin**

Grafik/Illustrator

**Rohman bin Jasmani
Kamaruzzan bin Hanif**

Fotografi

**Ishak bin Abd. Rahman
Sahidan bin Zakaria**

Pengedaran

**Zulkifle bin Mat
Abu Hassan bin Abd. Aziz**

Jurutaip

Sharifah binti Sulaiman

Diterbitkan Oleh:

**Unit Produksi Media,
Bahagian Hal Ehwal Korporat,
Lembaga Pertubuhan Peladang,
Blok C Utara, Pusat Bandar
Damansara, Bukit Damansara,
50990 Kuala Lumpur.**



serius terhadap sektor pertanian dan berharap ia menjadi sumber utama penjana ekonomi negara.

Oleh itu beliau berharap tahap sektor pertanian sekarang perlu dipertingkatkan dengan penggunaan teknologi terkini yang dihasilkan bagi mencapai sasaran yang diinginkan. Kajian semula terhadap peranan agensi-agensi di bawah Kementerian juga perlu bagi mewujudkan kerjasama

pada masa akan datang peladang itu nelayan dan sebaliknya," tambah beliau lagi.

Y.B. Menteri juga turut menyentuh mengenai isu pemasaran di mana beliau mengalakan agensi swasta terlibat secara langsung. Galakan melalui insentif mungkin dapat diperkenalkan bagi mempergiatkan aktiviti ini agar mewujudkan pasaran global hasil-hasil pertanian. Oleh kerana permintaan terhadap produk pertanian seperti bekalan daging dan sayur-sayuran yang tinggi setiap musim perayaan, negara terpaksa mengimport produk tersebut bagi menampung kekurangan tersebut. Perkara ini boleh dihindarkan jika peladang meningkatkan pengeluaran hasil pertanian untuk mengelakkan pergantungan dari negara luar yang boleh mempengaruhi ekonomi negara.

Menjawab soalan media ketika sidang akhbar, beliau menerangkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang merangka plan bagi mengurangkan defisit dengan mengkaji dan mengenalpasti sub-sektor pertanian terlibat seperti perikanan yang memerlukan bekalan air batu dan tempat memproses.

Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sedang berucap di Majlis Amanat dan Ramah Mesra Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Bersama Peladang.

dalam membangunkan sektor pertanian dan golongan sasar agar berdaya maju dan bersaing.

"Latihan secara praktikal merangkumi teknik-teknik pertanian moden akan diberi kepada para peladang dalam usaha meningkatkan hasil pertanian. Peladang juga akan diberi pendedahan untuk menghasilkan produk berasaskan pertanian bagi mengurangkan pergantungan kepada produk asas sahaja. Di samping itu pegawai yang terlibat secara langsung dengan peladang akan diberi latihan bagi membimbing para peladang dalam mengusahakan projek pertanian. Ia juga bertujuan memastikan para peladang mendapat khidmat nasihat, latihan dan maklumat yang terkini, tepat dan betul dalam proses pemindahan teknologi.

"Di samping itu para peladang digalakkan mempelbagaikan aktiviti seperti penternakan dan perikanan. Peladang jangan hanya menumpukan terhadap aktiviti pertanian sahaja. Kalau projek pertanian yang diusahakan telah berjaya, peladang boleh menceburi bidang lain seperti perikanan. Mungkin kita akan lihat

Selain itu kerajaan sedang mengenalpasti negara luar untuk mengimport induk lembu dan kambing biri-biri seperti New Zealand dan Australia yang mempunyai baka berkualiti, selamat dan mempunyai nilai di pasaran. Di samping itu pembangunan melalui bio-teknologi turut dibangunkan dan masih dalam kajian. Beliau berharap setelah pembangunan bio-teknologi diperkenalkan, sektor pertanian lebih maju dengan peningkatan pengeluaran hasil dan akan dapat mengurangkan pergantungan makanan daripada negara luar.



Para hadirin yang terdiri daripada peladang dari seluruh negara sedang mendengar amanat yang disampaikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dalam majlis tersebut

Berita



Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menunjukkan isyarat bagus setelah mencuba traktor yang dilengkapi dengan Teknologi Pertanian Presis selepas majlis perasmian tersebut pada 6 Mei 2004.



Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani melihat pameran yang disediakan sempena lawatan beliau ke LPP pada 8 April 2004 sambil diberi penerangan oleh Tuan Haji Rosli bin Harun, Pengarah Bahagian Hal ehwal Korporat.



Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menerima cenderahati berupa udang harimau keluaran PPK Batu Laut, Selangor daripada Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Alang Perang Zainuddin, Pengerusi LPP selepas Majlis Amanat dan Ramah Mesra Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Bersama Peladang di PWTC pada 10 Mei 2004.

Bergambar



Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain, Ketua Pengarah LPP sedang melepaskan benih udang projek MOA Inc. Sik, Kedah sempena lawatan beliau pada 7 Mei 2004.

Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani meneliti udang galah yang dihasilkan peserta projek MOA Inc. Sik, Kedah semasa melawat kawasan tersebut pada 7 Mei 2004 sambil diperhatikan oleh Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain, Ketua Pengarah LPP.



Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain, Ketua Pengarah LPP sedang meneliti produk keluaran usahawan selepas Majlis Perasmian Seminar Pemasaran Pertanian dan Makanan 2004 di PWTC pada 11 Mei 2004.



Tuan Haji Manaf bin Sulong, Presiden KUAT bertukar dokumen persefahaman dengan Tuan Haji Mahmud bin Mohd Nor, Presiden DUID sambil disaksikan oleh Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dimajlis Seminar Pemasaran Pertanian dan Makanan 2004.



Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sektor pertanian mempunyai potensi yang cukup besar untuk dimajukan melalui program permodenan dalam hala tuju nya menjadi sumber utama pendapatan negara.

Tambah Beliau sungguhpun sumbangannya masih kecil kepada KDNK negara berbanding sektor lain seperti sektor perkilangan dan perkhidmatan ia boleh diperhebatkan lagi melalui penggunaan teknologi moden, kreativiti dan inovatif pihak tertentu di samping proses penyelidikan dan pembangunan yang berterusan.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perasmian Seminar Pemasaran Pertanian dan Makanan 2004 pada 11 Mei 2004 di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) anjuran bersama Kelab Usahawan Tani Malaysia (KUAT) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Dewan Usahawan Tani Malaysia (DUID) dan Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA). Turut

Tingkatkan Sektor Pertanian Melalui IKS

hadir dalam majlis tersebut ialah Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad bin Hussain, Ketua Pengarah LPP, Y.Bhg. Tuan Haji Haron bin Rahim, Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Tuan Haji Manaf bin Sulong, Presiden Kelab Usahawan Tani Malaysia (KUAT), Y.Bhg. Tuan Haji Mahmud bin Mohd Nor, Presiden Dewan Usahawan Industri Desa Malaysia (DUID).

Seminar yang diadakan ini dapat memberikan impak yang besar kepada usahawan-usahawan pertanian ini bagi merebut peluang memasarkan produk keluaran mereka khususnya produk makanan berasaskan pertanian. Program seminar yang dijalankan ini adalah di bawah program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Menurut Y.B. Menteri, para usahawan seharusnya tidak perlu hanya tertumpu kepada satu bidang tertentu seperti pemprosesan produk makanan tradisional sebaliknya mengambil peluang untuk menerokai bidang-bidang yang kurang diberi tumpuan seperti pemprosesan bahan campuran makanan, produk sampingan atau menceburi bidang perkhidmatan untuk menyokong aktiviti pengeluaran, pemasaran dan promosi.

Ini secara tidak langsung akan membuka peluang baru untuk usahawan kecil dan sederhana melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti hiliran berasaskan pertanian yang akan meningkatkan nilai tambah hasil pertanian.



Antara usahawan yang hadir semasa Majlis Perasmian Seminar Pemasaran Pertanian dan Makanan 2004 sedang mendengar ucapan yang disampaikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kewujudan industri berasaskan pertanian ini dijangka akan dapat memenuhi keperluan pasaran makanan negara berjumlah RM37.5 billion pada tahun ini, di samping mengurangkan import makanan yang bernilai RM12.7 billion setahun. Ia juga akan membuka ruang untuk pengeksporan pasaran makanan halal yang semakin mendapat perhatian.

Kehendak pelanggan pada masa sekarang semakin kompleks yang lebih menitik beratkan soal kesihatan. Maka pengeluaran produk yang segar serta selamat digunakan harus dilakukan dengan penggunaan bahan-bahan pertanian yang sesuai seperti penggunaan baja organik dan pengeluaran makanan berasaskan herba bagi membolehkan masyarakat peladang negara ini terus bersaing di pasaran.

Sebelum mengakhiri ucapan, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak KUAT dan DUID yang menjadi perintis dalam mewujudkan kerjasama beberapa usahawan yang bertindak sebagai pengedar produk keluaran ahli.

Beliau juga menyeru kepada usahawan kecil dan sederhana supaya sentiasa bersedia bagi menghadapi cabaran dan saingan pasaran dalam dan luar negara



Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani turut melawat gerai promosi produk keluaran usahawan IKS selepas merasmikan majlis tersebut.

dengan menggunakan segala kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk memajukan sektor pertanian ini sebaik mungkin.

Di majlis itu juga Y.B. Menteri turut menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman di antara KUAT dan DUID bersama empat syarikat iaitu Perusahaan Azan Sdn. Bhd., Pawada Food Industries Sdn. Bhd., Muslim Best Distribution Sdn. Bhd. dan Only One Zuza Food Industries Sdn. Bhd.. Beliau juga turut mengambil kesempatan melawat gerai promosi produk industri asas tani keluaran para usahawan industri kecil dan sederhana yang mempamerkan produk keluaran masing-masing.



Memoden dan Mentransformasi Masyarakat Peladang dan Nelayan



Antara peserta yang hadir Bengkel Ke Arah Memoden dan Mentransformasi Masyarakat Peladang dan Nelayan.

Satu bengkel ke Arah Memoden dan Mentranformasikan Masyarakat Peladang dan Nelayan telah diadakan pada 22 Jun 2004 di Riviera Bay Resort, Melaka. Y.Bhg. Dato' Siti Balkish binti Shariff, Timbalan Ketua Setiausaha(Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT) telah merasmikan bengkel tersebut mewakili Y.H. Dato' Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor, Ketua Setiausaha KPIAT.

Turut hadir dalam majlis tersebut Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad bin Hussain, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Y.Bhg. Dato' Sheikh Ahmad bin Sheikh Long, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan/Agensi KPIAT.

Bengkel berkonsep MOA. Inc. anjuran bersama KPIAT, LPP dan LKIM ini bertujuan untuk memperbaiki hubungan kerjasama di antara agensi yang terdapat di bawah kementerian bagi mencetus idea dan berkongsi matlumat dalam merealisasikan tranformasi pertanian.

Y.Bhg. Dato' Siti Balkish binti Shariff dalam ucapan perasmian menerangkan kerajaan melalui KPIAT telah merangka satu planimbangan dagangan 2010 bagi merebut tempat dalam persaingan pengeluaran makanan dipasaran serantau. Plan ini

meliputi beberapa program seperti projek Kelompok, tanah terbiar, tanaman kekal pengeluaran makanan, projek perdana PPK, projek padi 10 tan dan beberapa projek-projek lagi yang memerlukan laporan pemantauan dari masa ke masa bagi menjamin kejayaan projek tersebut.

Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad bin Hussain, Ketua Pengarah LPP dalam ucapannya menyentuh beberapa aspek dalam konsep MOA Inc. yang boleh diperkembangkan lagi bagi menggembelng seluruh pemikiran, tenaga dan sumber semua agensi dan jabatan di bawah KPIAT. MOA Inc. boleh dijalankan melalui kerjasama kementerian atau agensi lain dalam usaha mentransformasikan sektor pertanian.

Sementara itu di Bukit Palah, Melaka, satu sesi dialog Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian Industri dan Asas Tani bersama peladang telah berlangsung. Dalam sesi dialog tersebut beliau menyuarakan amalan pertanian moden perlulah di sokong dan dijalankan oleh para peladang bagi mancapai pendapatan yang maksimum. Selain itu, industri asas tani juga harus di perluaskan lagi kerana ianya bukanlah satu bidang yang rumit dan sukar diusahakan. Berbekalkan ilmu dan sumbangan dari kerajaan atau kerjasama bersama agensi bukan kerajaan tidak mustahil industri asas tani akan berkembang.



Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian Industri dan Asas Tani memberi penerangan dalam Majlis Ramah Mesra dan Dialog dengan warga peladang, penternak dan nelayan Negeri Melaka.